PERKEMBANGAN EKONOMI

Keadaan ekonomi antarabangsa

Suasana ekonomi global bertambah kukuh. Pelaburan perniagaan menjadi positif di Amerika Syarikat sementara pertumbuhan di Asia pulih semula dengan wabak SARS dikawal

Suasana ekonomi global bertambah kukuh pada suku ketiga. Ekonomi Amerika Syarikat berkembang sebanyak 7.2% pada suku tersebut (S2: 3.3%). Ini merupakan kadar pertumbuhan suku tahunan yang tertinggi pernah tercatat dalam tempoh dua dekad. Faktor penyumbang utama adalah kenaikan yang tinggi dalam perbelanjaan pengguna, pelaburan kekal dalam sektor perumahan dan juga bukan perumahan serta eksport. Ekonomi Jepun pula menunjukkan tanda-tanda yang ianya bertambah baik di cerminkan oleh pemulihan semula dalam pelaburan dan eksport, sedangkan kadar penurunan paras harga terus menyederhana. Namun, pemulihan di sebahagian besar negara-negara Eropah terus dihadkan oleh rigiditi struktur walaupun sentimen perniagaan bertambah baik.

Mencerminkan tinjauan yang lebih optimistik ke atas suasana antarabangsa, pasaran ekuiti global menunjukkan prestasi yang lebih baik terutamanya bagi sektor teknologi. Dalam pasaran mata wang, sokongan kumpulan G-7 terhadap fleksibiliti dalam pertukaran mata wang menyebabkan volatiliti di pasaran dan Dollar Amerika menyusut nilai. Melihat ke hadapan, ketahanan pemulihan ekonomi global bergantung kepada kekuatan perkembangan pelaburan perniagaan, tahap dorongan fiskal dan kewangan di negara-negara perindustrian utama serta penyelarasan yang teratur pada ketidakseimbangan akaun semasa dan akaun fiskal Amerika Syarikat.

Di rantau **Asia**, dengan terkawalnya wabak *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) di akhir suku kedua, pertumbuhan serantau mengukuh pada suku ketiga. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh prestasi eksport yang lebih kukuh. Di samping itu, kebanyakan negara yang dijangkiti wabak SARS mencatat pemulihan penggunaan domestik dan ketibaan pelancong. Republik Rakyat China mencatatkan pertumbuhan tertinggi KDNK benar (9.1%), sementara pertumbuhan bertukar positif di China Taipei dan Singapura.

Negara-negara Maju: Pertumbuhan KDNK benar mempamerkan prestasi yang lebih baik

	Tahun	Suku		
	2002	S2 '03	S3 '03	Faktor utama
US[1/]	2.4	3.3	7.2	Perbelanjaan pengguna, pelaburan perniagaan dan pertumbuhan eksport yang kukuh
UK	1.8	2.0	1.9	Perbelanjaan pengguna yang teguh dan perbelanjaan kerajaan yang mapan
German	0.2	-0.7	-0.2	Keluaran industri dan suasana pasaran buruh yang lemah tetapi sentimen pengguna dan perniagaan bertambah baik.
Jepun[1/]	0.2	3.5	2.2	Prestasi eksport dan perbelanjaan modal yang bertambah baik.

[1/] berasaskan kadar tahunan

Pada keseluruhannya, pertumbuhan pada suku ketiga terus diperkukuhkan oleh prestasi eksport yang kukuh berikutan asas ekonomi yang berterusan teguh, termasuk inflasi yang sederhana dan kadar faedah yang rendah. Inflasi di Republik Rakyat China terus meningkat, walaupun pada kadar yang perlahan, disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan untuk bahan mentah. Sebaliknya, tekanan deflasi di Hong Kong China dan China Taipei terus kekal disebabkan oleh keadaan permintaan domestik yang terus lemah. Di kebanyakan negara serantau, kadar faedah jangka

pendek terus menurun dan kedudukan rizab antarabangsa bertambah kukuh.

Dengan jangkaan pemulihan yang berterusan dalam suasana luar dan dalam negeri, ramalan pertumbuhan bagi tahun 2003 telah dinaikkan bagi Republik Rakyat China, Hong Kong China dan Negeri Thai. Sebaliknya, ramalan pertumbuhan di Korea diturunkan disebabkan oleh ketidakpastian politik dan kelemahan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan domestik.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar bertambah kukuh

	Tahun	Suku		
	2002	S2 '03	S3 '03[a/]	Faktor penyumbang utama
Republik Rakyat China	8.0	6.7	9.1	Aktiviti pelaburan dan perbelanjaan pengguna yang kukuh.
Korea	6.3	1.9	2.7	Pertumbuhan eksport lebih daripada mengimbangi perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lemah.
Singapura	2.2	-3.8	1.7	Perkembangan dalam sektor perkilangan, terutamanya elektronik dan farmaseutikal.
China Taipei	3.5	-0.1	4.2	Disokong oleh prestasi eksport yang kukuh.
Indonesia	3.7	3.8	3.9	Pemulihan keadaan dalam dan luar negeri yang meluas.
Filipina	4.6	4.5	4.0	Pemulihan dalam sektor pertanian telah mengimbangi sebahagian daripada kelemahan dalam sektor perkilangan.

[a/] Anggaran

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga, disokong oleh aktiviti sektor swasta yang mantap.

Pertumbuhan ternyata lebih kukuh pada suku ketiga dengan KDNK benar meningkat sebanyak 5.1% (S2 2003: 4.5%). Permintaan agregat dalam negeri bertambah baik, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh berikutan langkah-langkah menyokong pertumbuhan yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan harga komoditi yang kukuh, yang menyokong pemulihan sektor perkhidmatan dan mengukuhkan penggunaan swasta.

KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	6.1	6.6	5.9	3.0	3.5
Penggunaan	7.8	5.1	6.9	4.3	3.6
Sektor swasta	*4.2*	*4.6*	*4.3*	*3.4*	*5.4*
Sektor awam	*19.2*	*6.5*	*18.9*	*7.2*	*-1.6*
Pembentukan modal tetap kasar	2.8	10.0	3.8	0.4	3.2
Eksport barangan dan perkhidmatan	11.2	7.2	1.9	0.2	-5.0
Import barangan dan perkhidmatan	15.6	8.1	1.7	-2.9	-5.1
KDNK	**5.8**	**5.4**	**4.6**	**4.5**	**5.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh pada suku ketiga, hasil daripada kadar faedah yang rendah dan langkah-langkah terdahulu untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan memudahkan akses kepada dana bagi memenuhi keperluan kewangan industri dan IKS. Harga komoditi yang kukuh terus meningkatkan pendapatan dan penggunaan di luar bandar. Keadaan pasaran buruh yang stabil dan prospek pertumbuhan ekonomi global yang lebih optimistik telah mengukuhkan lagi keyakinan pengguna dan perniagaan. Secara keseluruhannya, permintaan sektor swasta terus meningkat pada suku ketiga.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kekal tinggi



Keyakinan pengguna dan perniagaan meningkat



Berikutan berakhirnya kebimbangan yang berkaitan dengan SARS, penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.4% pada suku ketiga (S2 2003: 3.4%). Penunjuk penggunaan utama termasuk pengembangan agregat monetari, terutamanya M1, pengeluaran pinjaman kepada isi rumah dan perbelanjaan pengguna melalui kad kredit menunjuk ke arah peningkatan optimistik pengguna. Ini ditunjukkan oleh Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang meningkat sebanyak 5.9 mata kepada 112.8 mata pada suku ketiga. Penggunaan awam juga kekal tinggi, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen dan bekalan dan perkhidmatan.

Perkembangan penting yang menyokong peningkatan aktiviti sektor swasta adalah peningkatan yang ketara dalam pelaburan. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 3.2% pada suku ketiga (S2 2003: 0.4%). Pelaburan sektor swasta meningkat disebabkan oleh kedudukan kewangan syarikat yang lebih kukuh dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi. Sentimen perniagaan menjadi lebih positif pada suku ketiga. Indeks Keadaan Perniagaan MIER meningkat sebanyak 4.9 mata kepada 109.8 mata, mencerminkan keputusan yang bertambah baik bagi kebanyakan komponen termasuk pengeluaran, pesanan dalam negeri dan tahap stok. Penunjuk utama pelaburan swasta yang lain termasuk penjualan kenderaan perdagangan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor pembuatan dan pembinaan juga mencerminkan pemulihan yang kukuh dalam aktiviti pelaburan. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus kekal tinggi, terutamanya perbelanjaan ke atas kesihatan, perkhidmatan awam dan pembangunan pertanian dan luar bandar.

Perkembangan mengikut Sektor

Pertumbuhan yang menyeluruh dan seimbang

Pertumbuhan pada suku ketiga adalah menyeluruh, berikutan pemulihan yang pesat di sektor perkhidmatan selepas terjejas akibat wabak SARS pada suku kedua, serta pengembangan sektor pembuatan dan pertanian yang terus kukuh.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Pertanian	8.3	5.5	3.4	10.4	6.2
Perlombongan	7.9	7.1	4.5	11.1	-0.7
Perkilangan	7.3	5.7	5.9	6.5	8.5
Pembinaan	2.6	0.5	1.2	1.4	2.4
Perkhidmatan	3.4	4.6	4.5	2.9	4.2
KDNK benar (perubahan tahunan)	**5.8**	**5.4**	**4.6**	**4.5**	**5.1**
KDNK benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	**3.6**	**0.7**	**-3.8**	**4.1**	**4.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan sektor perkhidmatan

Prestasi **sektor perkhidmatan** pulih semula, dengan pertumbuhan sebanyak 4.2% (S2: 2.9%) berikutan sentimen pengguna yang bertambah baik serta pemulihan di sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan perjalanan yang terjejas akibat wabak SARS. Pertumbuhan sektor itu disokong oleh langkah positif yang diperkenalkan

Nilai Ditambah Sektor Perkhidmatan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Perkhidmatan pengantara	**2.5**	**3.8**	**4.1**	**4.3**	**6.0**
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.8	3.3	4.8	4.2	5.5
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	2.3	4.0	3.8	4.4	6.4
Perkhidmatan akhir	**4.1**	**5.2**	**4.7**	**1.9**	**3.1**
Elektrik, gas dan air	2.2	4.3	7.3	7.3	5.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	3.7	2.6	3.2	-2.0	1.7
Perkhidmatan Kerajaan	6.0	9.3	5.9	6.9	4.2
Perkhidmatan lain	4.0	6.9	5.0	1.6	3.6
Jumlah Perkhidmatan	**3.4**	**4.6**	**4.5**	**2.9**	**4.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menerusi Pakej Ekonomi. Prestasi subsektor borong dan runcit, hotel dan restoran, terutamanya, bertukar arah aliran dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7% (S2: -2%). Sektor ini meningkat hampir 10% berbanding suku sebelumnya. Pemulihan adalah menyeluruh, merangkumi kesemua aktiviti runcit dan pengedaran. Perniagaan perhotelan juga pulih dengan pesat dengan jumlah ketibaan pelancong bulanan meningkat sekali ganda daripada 459,300 orang pada bulan April kepada 943,500 orang menjelang bulan September 2003.

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2003				
	S1	S2	S3	S2	S3
Penunjuk terpilih	% perubahan tahunan			perubahan berbanding suku sebelumnya (%)	
Jualan runcit (MRA)	-0.1	-2.9	6.4[j]	t.d.	t.d.
Ketibaan pelancong	-6.5	-51.6	-24.2	-40.2	46.7
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	3.1	1.9	7.4	0.5	9.2
Jumlah penumpang di semua lapangan terbang di Malaysia	12.5	-15.9	2.1	-21.3	29.8
	kadar/tahap			perubahan berbanding suku sebelumnya (tahap)	
Indeks Kajiselidik Runcit MIER	78.1	96.3	125.0	+ 18.2	+ 28.7
Indeks Pengusaha Hotel MIER	101.5	81.0	139.0	- 20.5	+ 58.0
Faktor muatan penumpang MAS (%)	67.3	56.0	73.0	-11.3	+ 17.0

Nota: MRA merujuk kepada Persatuan Peruncit Malaysia; MIER merujuk kepada Malaysian Institute of Economic Research dan MAS merujuk kepada Penerbangan Malaysia

[j] Jangkaan

Sumber: Pelbagai sumber

Di samping itu, pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi terus mengukuh. Perjalanan udara, terutamanya segmen penumpang yang terjejas dengan teruk pada suku sebelumnya, memperlihatkan kemajuan yang ketara dengan peningkatan jumlah penumpang sebanyak 30% daripada suku sebelumnya. Pertumbuhan juga disokong oleh aktiviti pelabuhan yang mapan berikutan kargo kontena yang diuruskan oleh dua pelabuhan utama meningkat sebanyak 14.5%. Momentum pertumbuhan subsektor telekomunikasi terus kukuh berikutan peningkatan dalam jumlah langganan dan penjualan produk baru bagi segmen telefon selular.

Pertumbuhan sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan adalah lebih kukuh berikutan penurunan kadar faedah dan dana tambahan yang diberikan menerusi Pakej Ekonomi mendorong pinjaman bank yang lebih tinggi. Aktiviti insurans yang teguh dan minat kepada pasaran saham yang kembali kukuh turut menyokong sektor berkenaan. Subsektor perkhidmatan Kerajaan berkembang dengan sederhana sementara pertumbuhan subsektor utiliti dirangsang oleh permintaan yang kukuh terhadap elektrik, terutamanya daripada sektor perdagangan dan perindustrian.

Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah kukuh

Pertumbuhan **sektor perkilangan** terus mengukuh kepada 8.5% pada suku ketiga, disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi industri berorientasikan dalam negeri (6.1%, S2: 3.3%) dan industri berorientasikan eksport (12.1%, S2: 10%). Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan adalah lebih tinggi pada paras 86% (S2: 83%) dengan industri-industri berorientasikan eksport dan dalam negeri

Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**7.3**	**5.7**	**5.9**	**6.5**	**8.5**
Pengeluaran Keseluruhan	**8.5**	**6.7**	**7.6**	**8.2**	**10.6**
Industri berorientasikan eksport	**11.2**	**8.9**	**8.0**	**10.0**	**12.1**
Antaranya:					
- Elektronik	20.5	12.5	8.6	7.0	14.7
- Barangan Elektrik	0.1	-4.2	-4.3	-7.6	-12.4
- Tekstil & pakaian	-7.1	4.4	0.8	2.3	3.0
- Bahan kimia dan keluaran kimia	9.8	13.1	16.4	23.8	20.8
- Pemprosesan luar estet	17.8	12.0	4.5	27.3	17.1
- Keluaran getah	7.1	5.5	9.6	14.3	26.6
- Kayu dan keluaran kayu[1/]	-3.1	1.0	4.3	-0.4	1.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**1.5**	**0.6**	**6.4**	**3.3**	**6.1**
Antaranya:					
- Kelengkapan pengangkutan	3.2	-7.9	-6.6	-13.5	-2.6
- Keluaran logam yang direka	-1.3	-1.9	3.8	7.9	-0.7
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	-2.0	4.7	16.7	0.8	13.8
- Keluaran galian bukan logam	4.3	1.3	10.0	11.4	9.2
- Keluaran petroleum	-1.7	-6.0	1.9	17.5	-6.1
- Makanan	3.5	10.3	5.5	7.3	16.0
Jumlah Eksport Perkilangan	**12.7**	**5.1**	**1.7**	**1.3**	**-8.2**
- Elektronik	21.6	4.4	-5.8	-4.3	-19.5
Separa konductor	48.9	36.6	27.2	22.4	-11.0
Komponen elektronik	3.0	-18.3	-28.3	-25.2	-27.9
- Barangan elektrik	-4.0	-8.3	-7.4	-5.2	-4.8
Barangan elektrik pengguna	-9.7	-9.7	-12.5	-17.7	-10.7
Barangan elektrik industri & komersial	-5.8	-19.5	-14.2	-0.2	-7.3
Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri	9.8	11.0	4.1	4.6	6.7
Perkakas elektrik isi rumah	11.5	81.7	78.7	39.9	18.2
- Keluaran kayu	23.3	19.1	13.2	5.5	-2.3
- Barangan perabot	10.1	7.4	8.9	5.1	3.3
- Tekstil, pakaian & kasut	4.5	5.0	8.4	3.3	-1.9
- Peralatan optikal & saintifik	10.1	4.8	19.1	15.7	1.1
- Bahan kimia dan keluaran kimia	23.5	34.4	33.9	22.6	18.7
- Keluaran petroleum	-4.1	29.7	67.3	23.8	5.6

1/ Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

masing-masing beroperasi pada paras 88% dan 82% (S2: masing-masing sebanyak 84% dan 82%).

Pertumbuhan industri berorientasikan eksport disokong terutamanya oleh pengembangan yang kukuh dalam industri pemprosesan luar estet, keluaran getah, keluaran kimia dan separa konduktor. Pengeluaran industri keluaran getah khususnya, berkembang kukuh sebanyak 26.6% berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap sarung tangan pembedahan. Industri separa konduktor juga terus menunjukkan prestasi yang baik, disokong oleh permintaan global yang meningkat terutamanya dari Asia dan Eropah. Industri keluaran kimia terus mencatat pertumbuhan dua angka didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi keluaran plastik dan bahan kimia industri. Pengembangan pengeluaran yang lebih tinggi di industri berorientasikan dalam negeri didorong terutamanya oleh peningkatan yang kukuh industri pengeluaran bahan-bahan yang berkaitan dengan pembinaan sejajar dengan pertumbuhan sektor pembinaan, serta pertumbuhan industri makanan dan keluaran kertas.

Pertumbuhan sektor pertanian kekal kukuh, sektor perlombongan merosot sedikit

Sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang kukuh untuk lima suku tahunan berturut-turut (6.2%) disebabkan oleh peningkatan yang teguh dalam pengeluaran minyak sawit dan getah. Dengan harga kebanyakan komoditi utama pertanian meningkat antara 5 hingga 17%, ini telah merangsang aktiviti pengeluaran terutamanya di kalangan pekebun kecil. Berikutan pertumbuhan yang kukuh pada suku sebelumnya, sektor perlombongan mencatat kemerosotan sedikit disebabkan terutamanya pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran minyak mentah pula hanya mencatatkan peningkatan yang kecil.

Prestasi Sektor Pertanian

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**8.3**	**5.5**	**3.4**	**10.4**	**6.2**
Pengeluaran[1/]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	13.0	1.6	0.4	27.3	15.2
Minyak isirung sawit mentah	1.4	0.9	-5.2	28.7	20.6
Getah	5.1	17.8	16.6	21.3	17.0
Kayu balak	15.9	22.8	4.0	-2.6	-9.2
Koko	-28.2	35.2	71.5	14.7	-16.7
Eksport (RM juta)	**42.2**	**49.3**	**41.8**	**33.6**	**29.3**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan metrik)	12.4	12.1	9.3	15.3	36.4
(RM/tan metrik)	39.7	46.9	41.4	25.3	7.4
(RM juta)	57.0	64.7	54.6	44.4	46.5
Minyak isirung sawit mentah					
('000 tan metrik)	-5.0	15.1	-33.9	7.1	93.9
(RM/tan metrik)	31.0	38.9	51.0	17.2	1.3
(RM juta)	24.5	59.8	-0.2	25.6	96.4
Getah					
('000 tan metrik)	19.4	6.4	13.4	2.0	1.0
(Sen/kilogram)	36.5	57.8	57.6	40.0	17.2
(RM juta)	63.0	67.9	78.7	42.8	18.4
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	-0.7	4.9	7.8	6.7	8.0
(RM/meter padu)	8.2	1.8	12.1	9.9	4.5
(RM juta)	7.5	6.8	20.8	17.3	12.9
Kayu balak					
('000 meter padu)	2.4	12.9	19.5	32.8	-6.9
(RM/meter padu)	33.8	31.8	18.9	5.6	-9.6
(RM juta)	37.0	48.8	42.1	40.3	-15.8
Biji koko					
('000 tan metrik)	8.0	71.2	51.7	-38.0	-74.3
(RM/tan metrik)	43.3	70.3	62.9	37.2	11.9
(RM juta)	54.7	191.5	147.2	-14.9	-71.3

[1/] Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Setelah mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 27.3% pada suku sebelumnya, pengeluaran minyak sawit mentah meningkat lagi sebanyak 15.2% atau pengeluaran purata bulanan sebanyak 1.3 juta tan pada suku ketiga. Pertumbuhan didorong oleh hasil yang meningkat berikutan kadar purata perahan minyak yang lebih tinggi pada paras 19.88% pada suku ketiga (S2 2003: 19.63%) dan bertambahnya kawasan matang, terutamanya di Sabah. Pengeluaran getah meningkat lagi sebanyak 17% berikutan harga getah yang terus meningkat dengan puratanya melebihi 400 sen sekilogram menjelang September 2003. Harga yang tinggi mendorong aktiviti torehan yang intensif di kalangan pekebun kecil. Justeru, pekebun kecil getah kini mencakupi lebih kurang 89% daripada keseluruhan pengeluaran getah negara pada suku ketiga (2002: 85%).

Prestasi Sektor Perlombongan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**7.9**	**7.1**	**4.5**	**11.1**	**-0.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	9.1	7.4	2.3	11.7	1.8
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	8.0	9.3	8.2	17.3	-6.2
Eksport (RM juta)	**5.8**	**29.3**	**50.9**	**38.7**	**25.9**
Antaranya:					
Minyak mentah					
('000 tan metrik)	18.3	5.5	4.2	0.3	13.7
(AS$/tong)	1.3	37.2	61.3	15.9	6.9
(RM juta)	19.8	44.7	68.0	16.2	21.6
Gas asli cecair					
('000 tan metrik)	-0.7	12.9	6.9	41.0	10.3
(RM/tan metrik)	-4.4	6.6	28.8	33.3	8.9
(RM juta)	-5.1	20.4	37.8	88.0	20.1

Nilai ditambah **sektor perlombongan** merosot sedikit sebanyak 0.7% pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Pengeluaran gas asli merosot berikutan penutupan sementara medan gas bagi tujuan penyelenggaraan. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) terus meningkat sebanyak 1.8% kepada 720,390 tong sehari pada suku ketiga.

Aktiviti pembinaan mendapat manfaat daripada Pakej Ekonomi

Momentum pertumbuhan **sektor pembinaan** meningkat secara berperingkat-peringkat pada suku ketiga (S2 2003: 1.4%). Subsektor kediaman khususnya, mendapat faedah daripada insentif Kerajaan yang diberikan melalui Pakej Ekonomi di samping penerusan kerja-kerja pembinaan di kebanyakan projek perumahan yang banyak dilancarkan pada tahun lalu. Penghapusan duti setem ke atas beberapa kategori rumah terpilih, pengurangan kadar faedah, pakej pinjaman yang

kompetitif yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan aktiviti promosi yang intensif oleh para pemaju perumahan di bandar-bandar utama telah menggalakkan permintaan terhadap harta kediaman. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan di sektor awam adalah sederhana disebabkan oleh perbelanjaan untuk kemudahan pendidikan yang lebih rendah.

Penunjuk Pembinaan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% perubahan tahunan				
Permit jualan dan iklan baru	4.2	-11.4	-24.5	-16.7	14.9
Kelulusan perumahan	-25.5	-32.3	-30.7	0.8	19.3
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	1.4	2.8	13.0	6.5	11.3
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	5.6	69.6	20.0	-44.3	16.6
Import bahan pembinaan dan bahan galian	32.2	8.7	4.0	-19.3	-23.4*

* *Julai-Ogos. '03*

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi kekal rendah

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal rendah pada 1% pada suku ketiga 2003 (S2 2003: 0.9%). Mencerminkan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi, peningkatan harga makanan dan sewa kasar, bahan api dan kuasa adalah lebih tinggi pada suku ketiga berbanding suku sebelumnya. Sementara itu, peningkatan harga minuman dan tembakau juga adalah lebih tinggi berikutan pengenalan cukai import dan eksais yang lebih tinggi ke atas minuman beralkohol dan barangan tembakau. Walau bagaimanapun, harga yang lebih tinggi bagi barangan ini telah diimbangi oleh penurunan harga serta kenaikan harga yang lebih perlahan untuk barangan dan perkhidmatan pengguna lain.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja Kekal Stabil

Keadaan pasaran pekerja terus stabil disebabkan oleh pertumbuhan dalam produktiviti,. Dalam sektor pembuatan, berasaskan data bagi bulan Julai dan Ogos 2003, produktiviti pekerja seperti yang diukur melalui nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja, meningkat sebanyak 4%, mengatasi peningkatan sebanyak 2.4% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Pemberhentian pekerja adalah lebih rendah pada suku ketiga 2003 (5,328 orang; S3 2002: 5,549 orang dan S2 2003: 6,677 orang).

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Lebihan perdagangan kekal kukuh

Data awalan yang diterbitkan menunjukkan lebihan perdagangan menurun kepada RM15.2 bilion pada suku ketiga berikutan kemerosotan dalam eksport (-3.1%) dan import (-5.7%) kasar. Data ini sedang dikaji semula oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) kerana pertukaran daripada sistem pemerosesan data secara manual kepada Sistem Pertukaran Data Elektronik (EDI) menyebabkan terdapat data yang tidak diambil kira. DOS akan menerbitkan data tersebut apabila kajian ini telah selesai.

Akaun Perdagangan

	2002		2003		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan dalam %				
Eksport kasar	14.3	9.7	8.0	6.0	-3.1
Perkilangan	12.7	5.1	1.7	1.3	-8.2
Pertanian	42.2	49.3	41.8	33.6	29.3
Galian	5.8	29.3	50.9	38.7	25.9
Import kasar	19.6	8.6	2.6	-5.0	-5.7
Barangan modal	17.7	0.4	-0.7	-13.1	-5.1
Barangan pengantara	19.3	7.8	1.9	-4.1	-4.3
Barangan penggunaan	20.5	19.0	6.2	-1.6	-12.2
Imbangan perdagangan (RM bn)	13.5	15.1	17.7	19.0	15.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pemulihan kukuh dalam ketibaan pelancong

Mencerminkan keyakinan pelancong selepas berakhirnya tempoh kesan wabak SARS, ketibaan pelancong meningkat kepada 2.5 juta pada suku ketiga daripada 1.7 juta pada suku kedua. Ketibaan pelancong dari rantau ASEAN mencapai tahap sebelum tempoh berlakunya wabak SARS. Kempen promosi pelancongan dianjurkan di negara-negara yang dilanda wabak SARS seperti Republik Rakyat China, Hong Kong China dan China Taipei dan di pasaran baru seperti Pakistan. Strategi ini disokong oleh pemulihan semula penerbangan pergi-balik ke negara-negara yang dilanda wabak SARS dan pelancaran penerbangan sewa khas ke Republik Rakyat China. Hasilnya, ketibaan pelancong dari Republik Rakyat China, Hong Kong China dan China Taipei meningkat sekali ganda pada suku ketiga apabila dibandingkan dengan suku kedua. Ketibaan pelancong pada suku ke empat 2003 dijangka melebihi jumlah bulanan sebanyak 1 juta, iaitu tahap yang dicapai pada tempoh permulaan wabak SARS.

Ketibaan Pelancong Bulanan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Aliran masuk dana pelaburan yang kekal

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar dana pelaburan (FDI) kekal tinggi, walaupun rendah sedikit daripada suku sebelumnya (RM4 bilion; S2 2003: RM5.7 bilion). Pada suku ketiga, aliran masuk baru ekuiti meningkat seklai ganda. Aliran masuk yang lebih rendah mencerminkan terutamanya pinjaman antara syarikat yang lebih rendah disebabkan lebih banyak pembiayaan dana diperoleh daripada institusi kewangan tempatan. Pada suku ketiga, aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi disalurkan terutamanya ke sektor perkhidmatan, khususnya bagi perkhidmatan

pembiayaan dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, dan industri pengangkutan. Terdapat juga pelaburan baru dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam pembuatan semikonduktor dan aktiviti berkaitan petroleum. Sesudah mengambil kira aliran keluar disebabkan terutamanya pembayaran balik pinjaman oleh syarikat yang berkaitan, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion.

Pelaburan luar negara mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.6 bilion (S2 2003: -RM2.6 bilion). Dari segi aliran keluar kasar, lebih satu pertiga daripada pelaburan ini adalah dihasilkan oleh syarikat induk pelaburan bagi pelaburan dalam sektor pengangkutan, perkilangan, dan perkhidmatan di Singapura, Mauritius dan Korea Selatan. Terdapat juga pelaburan yang ketara oleh syarikat-syarikat minyak dan gas di Afrika, dan sektor perkilangan, khususnya dalam industri elektrik dan elektronik di Amerika Syarikat dan Switzerland. Dalam konteks ini, perkembangan penting adalah peningkatan dalam penghantaran pulang hasil keuntungan dan dividen oleh syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Pada tengah Januari sehingga September 2003, sebanyak RM1.3 bilion dihantar pulang, berbanding RM1.4 bilion bagi keseluruhan tahun 2002.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk yang lebih tinggi, berjumlah RM3.6 bilion (S2 2003: RM0.6 bilion) disebabkan aktiviti yang lebih menggalakkan di BSKL berikutan sentimen pelabur tempatan dan asing yang bertambah baik.

Hutang luar negeri kekal terkawal

Pembayaran balik dan prabayaran yang besar (RM6.6 bilion) pada suku ketiga mengimbangi sebahagian besar kerugian penilaian semula pertukaran asing, menyebabkan hutang luar negeri Malaysia kekal stabil pada RM194 bilion (AS$51 bilion), bersamaan dengan 54% daripada KNK pada akhir bulan September 2003. Pembayaran balik dan prabayaran **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** kebanyakannya dibayar oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan sebahagian kecil oleh Kerajaan Persekutuan. Pembayaran balik bersih oleh PABK untuk suku keenam yang berturut-turut, mencerminkan penyelesaian beberapa pinjaman luar negeri yang besar. Sementara itu, sebahagian besar pembayaran balik oleh sektor swasta adalah dibayar oleh syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor telekomunikasi, perkilangan dan pertanian. Selepas mengambil kira kerugian penilaian semula

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2002	2003	
	S3	S2	S3
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	151.3	157.9	158.1
Sektor awam	97.1	102.1	102.2
Sektor swasta	54.3	55.8	55.8
Hutang jangka pendek [1]	25.8	35.6	35.9
Jumlah hutang luar negeri	177.1	193.4	194.0
- bersamaan AS$ bilion	46.6	50.9	51.0

[1] Tidak termasuk wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri



1/ Tidak termasuk wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertukaran asing berikutan peningkatan nilai yen dan euro, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit kepada RM158.1 bilion atau AS$41.6 bilion (S2 2003: RM157.9 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** kekal stabil pada RM35.9 bilion atau AS$9.5 bilion (S2 2003: RM35.6 bilion). Pada akhir bulan September, hutang jangka pendek hanya mencakupi 18.5% daripada jumlah hutang luar negeri, dan adalah kira-kira 23.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Di bawah Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF bagi hutang luar negeri, mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan adalah termasuk dalam liputan hutang luar negeri mulai 30 September 2003. Sementara Bank Negara Malaysia menggunakan liputan ini dalam laporan SDDS, Bank Negara Malaysia tidak akan memasukkan mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-insitusi perbankan dalam penerbitannya. Butiran ini akan terus disiarkan sebagai sebahagian daripada tanggungan luaran sistem perbankan dalam statistik bulanan Bank Negara Malaysia. Sejajar dengan liputan SDDS, Bank Negara Malaysia merancang untuk mengemaskinikan jadual-jadual hutang luar negeri dalam semua penerbitannya pada suatu masa yang akan datang apabila sistem statistik Bank Negara Malaysia yang baru untuk menyusun data hutang luar negeri disiapkan.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Arah aliran peningkatan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berterusan pada suku ketiga. Pada 30 September 2003, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM154.8 bilion atau AS$40.7 bilion, mencerminkan peningkatan sebanyak RM13.9 bilion atau AS$3.7 bilion sejak akhir bulan Jun 2003. Peningkatan rizab adalah disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan export yang berterusan dan aliran masuk dana asing bagi tujuan pelaburan langsung dan portfolio. Paras rizab pada akhir bulan September turut mengambil kira pelarasan daripada keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berjumlah AS$542 juta, disebabkan terutamanya oleh peningkatan nilai euro dan yen berbanding dolar AS pada suku ketiga.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM165.8 bilion atau AS$43.6 bilion pada 31 Oktober 2003, disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan export yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing yang lebih besar. Paras rizab ini adalah mencukupi bagi membiayai 6.9 bulan import tertangguh dan sebanyak 4.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Fiskal defisit lebih kecil

Walaupun operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri pada suku ketiga, Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM4 bilion atau 4.0% daripada KDNK (suku kedua 2003: -8.4% daripada KDNK). Kedudukan yang lebih baik adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah dan hasil yang lebih tinggi. Prestasi hasil yang lebih kukuh telah dicatatkan pada suku ketiga, terutamanya berpunca daripada pendapatan pelaburan dan hasil berasaskan petroliam yang lebih tinggi. Kebanyakan hasil cukai tidak langsung mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik disebabkan agregat permintaan yang meningkat. Penerimaan cukai perkhidmatan yang lebih rendah adalah disebabkan oleh pengecualian

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2002		2003		
	S3	Jan.-Sep.	S2	S3	Jan.-Sep.
	RM bilion				
Hasil	19.4	56.2	21.2	23.3	58.2
% perubahan tahunan	5.1	4.3	8.1	19.9	3.6
Perbelanjaan mengurus	15.8	46.2	20.2	19.4	52.4
% perubahan tahunan	10.4	18.4	29.4	22.9	13.5
Akaun semasa	3.6	10.0	1.0	3.9	5.8
% daripada KDNK	3.9	11.8	1.0	3.9	2.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.9	20.8	9.1	8.1	25.0
% perubahan tahunan	20.8	13.5	12.7	-8.5	20.2
Terimaan balik pinjaman	0.1	0.4	0.1	0.3	0.5
Imbangan keseluruhan	-5.1	-10.4	-8.0	-4.0	-18.8
% daripada KDNK	-5.5	-12.3	-8.4	-4.0	-6.5
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	24.7	67.0	29.3	27.5	77.4
% perubahan tahunan	13.9	16.8	23.7	11.6	15.6
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	156.7	156.7	182.1	188.6	188.6
% daripada KDNK	43.4	43.4	47.2	48.9	48.9
Dalam negeri	124.6	124.6	142.3	148.4	148.4
Luar negeri	32.1	32.1	39.9	40.2	40.2

[a] Awalan

cukai perkhidmatan untuk hotel dan restoran di bawah pakej ekonomi yang telah diumumkan pada bulan Mei 2003.

Defisit dibiayai melalui pinjaman dalam negeri bukan inflasi oleh kerana situasi mudah tunai yang lega. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat sedikit sebayak 3.6% kepada RM188.6 bilion, mencakup sebanyak 48.9% daripada KDNK pada akhir bulan September 2003 (47.2% pada akhir bulan Jun). Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dapat dibendung pada 20.7% daripada hutang luar negara.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]



[a] Awalan